



Bulatkan jawapan yang betul.

Soalan 1 berdasarkan gambar di bawah.



1. Puan Susila menggunakan payung _____ hari hujan.
 A lalu B kalau
 C sambil D apabila
2. Saya tidak ke rumah Wong Chee Fei _____ dia melanjutkan pelajaran di luar negeri.
 A atau B sejak
 C hingga D sambil
3. Mei Ling pandai menyulam _____ dia malas berbuat demikian.
 A dan B serta
 C tetapi D kerana

Soalan 4 berdasarkan gambar di bawah.



4. Para nelayan itu bekerja dengan gigih _____ menambahkan pendapatan masing-masing.
 A untuk
 B tetapi
 C namun
 D biarpun

5. _____ letih kerana seharian bekerja, Wati masih mampu tersenyum.
 A Ketika B Malahan
 C Sekiranya D Sungguhpun
6. Kita tidak akan berjaya _____ kita malas berusaha.
 A selagi
 B kerana
 C kecuali
 D setelah
7. Perniagaan Encik Law _____ hari _____ meningkat.
 A entah...entah
 B makin...makin
 C baik...mahupun
 D bukan sahaja...bahkan juga
8. _____ kaya _____ miskin, mereka sama-sama menjayakan program gotong-royong itu.
 A Baik...mahupun
 B Semakin...semakin
 C Sungguhpun...tetapi
 D Mahupun...sungguhpun
9. Paul tidak pasti _____ dia lulus _____ tidak dalam peperiksaan itu.
 A kian...kian
 B sama ada...atau
 C sedangkan...atau
 D sedangkan...apatah lagi
10. _____ kanak-kanak tidak digalakkan merokok, _____ orang dewasa juga.
 A Baik...mahupun
 B Sungguhpun...tetapi
 C Bukan sahaja...bahkan
 D Jangankan...tambahan pula